

29/06/2002

Laporan akhbar AWSJ berniat jahat, dengki

IPOH, Jumaat - Majlis Tertinggi (MT) Umno menyifatkan akhbar Asian Wall Street Journal (AWSJ) berniat jahat dan dengki apabila menyiarkan laporan yang mengandungi prasangka buruk terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menggantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahli MT, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata tindakan akhbar itu membuat andaian negatif terhadap keupayaan Abdullah meneruskan dasar yang diperkenalkan Dr Mahathir disebabkan sifat cemburu pihak asing ke atas kemajuan yang dicapai negara ini.

"Laporan itu adalah spekulasi yang berniat jahat dan dengki terhadap kemampuan Pak Lah, sedangkan kita tahu Pak Lah bukannya seorang yang sedemikian rupa.

"Imej beliau sentiasa bersih dan mempunyai keseimbangan politik yang baik untuk negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat agung ke-25 Syarikat Majuperak Bhd di sini, petang semalam.

Ahmad Zahid berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan AWSJ kelmarin yang mendakwa Abdullah apabila menjadi Perdana Menteri nanti, akan menggantikan penasihat-penasihat ekonomi Dr Mahathir yang amat dihormati oleh pelabur luar.

Laporan itu juga mendakwa kepemimpinan Abdullah akan menyebabkan merebaknya amalan nepotisme dan kronisme dalam pemberian kontrak kerajaan dalam usaha menarik lebih banyak sokongan dalam Umno.

Ahmad Zahid berkata, beliau yakin Abdullah akan mengekalkan dasar ekonomi yang dilaksanakan Dr Mahathir kerana ia ternyata membawa faedah kepada negara, terutama dalam pengukuhan ekonomi.

Malah, katanya, sebagai mana pemimpin lain, Abdullah juga mempunyai kebolehan tersendiri berdasarkan latar belakang beliau yang pernah memegang jawatan pegawai tadbir dan diplomatik sebelum menyertai politik.

"Gabungan kedua-dua pengalaman itu membolehkan beliau mentadbir negara dengan cekap," katanya.

Sementara itu, Ahmad Zahid turut menyokong sebarang cadangan untuk menangguhkan pemilihan parti yang dijadualkan berlangsung Jun tahun depan sehingga selepas pilihan raya umum.

Katanya, penangguhan itu akan mengelakkan perebutan jawatan dalam Umno yang boleh menjejaskan tumpuan terhadap pilihan raya umum nanti.

"Matlamat kita dalam pilihan raya umum akan datang ialah merampas semula Kelantan dan Terengganu. Jika Umno menghadapi masalah, sudah tentu sasaran itu sukar dicapai," katanya.

(END)